

EMPAT PELAJAR COB TERUJA SERTAI PROGRAM MOBILITI BERKREDIT KE NEGARA MATAHARI TERBIT

PPA UUM COB

Tue 10/10/2017 10:15 AM

To: UUMstudentgroup <studentnet-out@uum.edu.my>; UUM - All Staff <uumnet@uum.edu.my>;

Cc: Dr. Hendrik bin Lamsali <hendrik@uum.edu.my>; Wan Norazlinda binti Wanchik <azlind@uum.edu.my>; Prof. Madya Dr. Siti Zubaidah bt. Othman <zubaidah@uum.edu.my>;



**PEJABAT PEMBANGUNAN
PELAJAR DAN ALUMNI**

STUDENT DEVELOPMENT & ALUMNI OFFICE
COLLEGE OF BUSINESS

Universiti Utara Malaysia

Nurturing Future Leaders, Expanding Opportunities

Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni

10 OKTOBER 2017 / 19 MUHARAM 1439H

=====

"UUM: UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Assalamualaikum & salam sejahtera



PPA UUM COB – Seramai empat (4) orang pelajar telah terpilih bagi mengikuti program mobiliti antarabangsa ke dua buah universiti terkemuka di Jepun iaitu Tsukuba University dan Kyoto Sangyo University.

Berpewatakan menarik, cemerlang dalam akademik serta aktif dalam pelbagai aktiviti universiti merupakan faktor utama pelajar –pelajar ini terpilih sebagai duta kecil UUM ke universiti-universiti terkemuka ini.

Dalam kiriman e-mel kepada Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni (PPA UUM COB), mereka sempat mengirimkan beberapa keping gambar aktiviti yang disertai di sana.

Puteri Nur Syafawati Mohd Shamsir, Pelajar jurusan Ijazah Sarjana Muda Sains Ekonomi yang merupakan penerima biasiswa penuh *Asean International Mobility for Students (AIMS)* menzahirkan rasa bersyukur dan teruja diberikan peluang menyertai program pertukaran pelajar di luar negara. Kata beliau lagi, peluang yang diberikan ini tidak akan disia-siakan dan berjanji akan menunjukkan prestasi yang cemerlang dalam akademik dan juga sahsiah.

Selain Puteri Nursyafawati, tiga (3) lagi pelajar yang terpilih adalah Mohamad Irfan Shahrudin pelajar Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Muamalat, Mohammad Nor Aiman Azuddin, Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Operasi dan Nurezaaty Jamaludin pelajar Ijazah Sarjana Muda Kewangan.

Mohamad Irfan yang juga merupakan ahli Beta Gamma Sigma UUM Chapter turut meluahkan rasa gembira, kerana terpilih sebagai salah seorang pelajar ke Tsukuba University, Jepun. Irfan berharap dengan peluang yang diberikan ini, dapat membantu meningkatkan kemahiran berkomunikasi selain menambah kenalan dari pelbagai latar belakang budaya dan bangsa.

Sebagai duta kecil UUM, Dekan PPA UUM COB, Dr. Hendrik Bin Lamsali berharap pelajar terpilih ini dapat menjadikan program ini sebagai platform bagi membina jaringan sosial yang lebih luas serta dapat menambah ilmu dan pengalaman belajar di persekitaran yang berbeza. Pelajar yang terpilih adalah seperti berikut:

BIL	NAMA	NO MATRIK	PROGRAM	UNIVERSITI
1	Mohamad Irfan Shahrudin	239680	Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Muamalat	Tsukuba University, Jepu
2	Puteri Nur Syafawati Mohd Shamsir	238026	Ijazah Sarjana Muda Sains Ekonomi	Tsukuba University, Jepu
3	Nurezaaty Jamaludin	238931	Ijazah Sarjana Muda Kewangan	Kyoto Sangyo University,
4	Mohammad Nor Aiman Azuddin	239034	Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Operasi	Kyoto Sangyo University,

Pejabat Pembangunan Pelajar & Alumni
 UUM College of Business
 Universiti Utara Malaysia
 06010 UUM Sintok, Kedah
 ☎ 04-928 6610
 📠 04-928 6606
 Website: <http://uumpacob.uum.edu.my>
 Facebook: www.facebook.com/PPACOB



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.